

Boleh kritik, usah fitnah: PM

BH - 5 MAR 1994

Oleh Lichong Angkui, Kamal Ahmad dan Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat — Media Britain harus memperbetulkan semua tuduhan terhadap Malaysia berhubung dakwaan pemimpin negara ini rasuah bagi memastikan isu pembbohongan itu tidak berpanjangan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika media Britain terus melaporkan pembbohongan serta fitnah terhadap orang lain, ia akan menimbulkan pelbagai masalah.

"Kita tidak boleh menerima sikap media Britain yang melaporkan perkara karut. Mereka boleh mengkritik, tetapi jangan membuat pembbohongan," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat Umno di sini, petang ini. Turut hadir ialah Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan tiga Naib Presiden.

Menurutnya, pembbohongan terhadap Malaysia itu yang dilaporkan oleh media Britain kemudian disiarkan oleh media massa dari 13 negara seluruh dunia, sekaligus mencemarkan imej pemimpin Malaysia.

Dalam mesyuarat kira-kira dua setengah jam, MT Umno menyokong tindakan kerajaan tidak memberi kontrak baru kepada syarikat Britain sebagai membantah kejahilan media negara itu yang memburukkan pemimpin negara.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh media Britain bagi meredakan kontroversi Malaysia-Britain yang tercetus berikutan laporan *The Sunday Times*, 20 Februari lalu.

Laporan itu antara lain menyebut Dr Mahathir menerima rasuah AS\$50,000 (RM135,000) daripada Syarikat Binaan Wimpey International bagi mendapatkan kontrak membina kilang melebur aluminium bernilai RM2.46 bilion.

Ditanya penjelasan pengarang *The Sunday Times* yang menuduh Perdana Menteri tidak faham mengenai isu itu, Dr Mahathir berkata:

"Beliau (pengarang *The Sunday Times*) kesal kerana kononnya saya salah faham, tapi jika saya salah faham mengenai apa yang dilaporkan, tentulah banyak orang, malah dunia juga dianggap salah faham.

"Isu yang berbangkit cukup jelas iaitu menuduh saya menerima rasuah dari Wimpey. Segala laporan menggambarkan saya sebagai rasuah."

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, beliau tidak berselisih faham dengan pemimpin Britain, termasuk John Major atau kerajaan negara itu, sebaliknya hanya dengan media negara itu.

"Kita tidak mengharapkan mereka (pemimpin Britain) tampil meredakan kontroversi yang berlaku sekarang, tetapi kita tak tahu sama ada wajarkah kita menyokong (media Britain) melaporkan pembbohongan," katanya.

Dr Mahathir mengulangi bahawa dalam kes projek Pergau tidak ada geran diberi, sebaliknya hanya pinjaman. Bagaimanapun, ia diputarbelitkan.